LAMPIRAN A

# MySCREEN

# MALAYSIA PSYCHOMETRIC INVENTORY FOR CARE AND EDUCATION

## MANUAL PENGGUNA

## UNTUK

## PENGGUNA SISTEM (CALON)

***Disediakan Oleh:***

*National Child Development Research Centre (NCDRC)*
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Versi 1.0*

# SENARAI KANDUNGAN


**1 DAFTAR AKAUN…………………………………………………………………….. 1**

1.1 LOG MASUK……………………………………………………………… 2

**2 PERSETUJUAN…………………………………………………………………… 3**

**3 PROFIL DIRI……………………………………………………………......... 4**

3.1 PROFIL PERIBADI……………………......……………………………… 5

3.2 PILIHAN TEMPAT BEKERJA......………………………………………….. 8

3.3 LATIHAN/KURSUS..............……………………………………………….. 8

3.4 PENGALAMAN MENGAJAR…....………………………………………. 9

**4 UJIAN SARINGAN……………………………………………………………… 11**

# 1 DAFTAR AKAUN

i. Taip alamat **http://myscreen.upsi.edu.my/auth/signin** pada ruangan url dan antaramuka seperti di bawah akan dipaparkan.




Antaramuka Myscreen

ii. Klik butang **Daftar Sekarang** untuk mendaftar akaun baru calon. Selain itu, terdapat juga butang **Polisi Kerahsiaan**.




Antaramuka Myscreen

iii. Antaramuka **Daftar Akaun Calon** akan dipaparkan seperti berikut. Calon perlu mengisi semua maklumat dengan lengkap. Setelah selesai, klik butang **Daftar Sekarang**. **Polisi kerahsiaan** juga akan dipaparkan dan calon dikehendaki untuk membaca polisi kerahsiaan sebelum log masuk sistem.




Antaramuka daftar akaun calon

## 1.1 LOG MASUK

Apabila pendaftaran berjaya, sila log masuk menggunakan **Nombor Kad Pengenalan** dan **Katalaluan** yang telah didaftarkan sebelumnya. Kemudian, sila klik butang **Log Masuk**.




Antaramuka log masuk

# 2 PERSETUJUAN

Antaramuka di bawah akan dipaparkan selepas log masuk ke dalam sistem berjaya. Calon dikehendaki untuk membaca **Persetujuan Untuk Menyertai Ujian Saringan** terlebih dahulu. Klik butang **Setuju, teruskan** jika calon bersetuju untuk meneruskan pengaksesan sistem dan butang **Tidak, keluar** untuk sebaliknya.




Antaramuka persetujuan

# 3 PROFIL DIRI

Antaramuka di bawah akan dipaparkan selepas calon bersetuju untuk menyertai ujian saringan. Terdapat beberapa bahagian yang perlu dilengkapkan oleh calon sebelum ke bahagian seterusnya.




Antaramuka profil diri

## 3.1 PROFIL PERIBADI

i. Paparan **profil peribadi** adalah seperti dibawah. Setiap calon perlu melengkapkan bahagian profil peribadi. Klik butang **Kemaskini Profil Peribadi** untuk mengemaskini profil peribadi calon.



ii. Calon perlu mengemaskini maklumat peribadi dengan lengkap dan klik butang **kemaskini**. Paparan **Kemaskini Profil** akan dipaparkan seperti dibawah.



iii. Selepas **profil peribadi** berjaya dikemaskini, calon boleh menukar katalaluan bagi mengelakkan pencerobohan dan meningkatkan keselamatan data peribadi. Klik butang **Tukar katalaluan.**




iv. Paparan **Tukar katalaluan** adalah seperti di bawah. Calon perlu memasukkan katalaluan sekarang dan katalaluan yang baharu kemudian klik butang **Tukar katalaluan**.



## 3.2 PILIHAN TEMPAT BEKERJA

i. Calon perlu klik diruangan kotak yang disediakan untuk memilih agensi yang dikehendaki. Kemudian klik butang **Kemaskini**. Paparan pilihan tempat bekerja adalah seperti di bawah.




## 3.3 LATIHAN/KURSUS

i. Calon perlu klik diruangan kotak yang disediakan jika pernah mengikuti Latihan/ Kursus. Kemudian klik butang **Kemaskini**. Paparan latihan/kursus yang pernah di ikuti adalah seperti di bawah.



## 3.4 PENGALAMAN MENGAJAR

i. Calon yang mempunyai pengalaman mengajar di Taska/Tadika/Tabika/ Prasekolah perlu melengkapkan ruangan tersebut. Klik butang **+Tambah** untuk mengisi maklumat pengalaman bekerja calon.




ii. Paparan **Pengalaman Mengajar di Taska/Tadika/Tabika/Prasekolah** adalah seperti di bawah. Calon perlu mengisi maklumat jika mempunyai pengalaman mengajar dan boleh klik butang **Masih Berkhidmat disini?** jika calon masih berkhidmat. Kemudian sila klik butang **Tambah.**



iii. Paparan di bawah akan dipaparkan selepas calon berjaya tambah pengalaman mengajar di Taska/Tadika/Tabika/Prasekolah.




iv. Selepas semua maklumat calon sudah diisi dengan lengkap, calon perlu klik butang **Halaman Ujian Saringan** bagi memulakan ujian saringan.



# 4 UJIAN SARINGAN

i. Paparan di bawah adalah antaramuka **Ujian Saringan**. Calon dikehendaki untuk membaca **Peraturan Ujian Saringan** dan mengisi **Pengakuan** terlebih dahulu sebelum memulakan ujian saringan. Calon juga boleh klik pautan **Borang Persetujuan Termaklum dan Polisi Kerahsiaan** untuk dibaca dan fahami.

ii. Kemudian, boleh klik butang **Mulakan Sekarang!** bagi memulakan ujian saringan.




Antaramuka Peraturan Ujian Saringan & Pengakuan

iii. Antaramuka di bawah adalah paparan soalan ujian saringan. Calon boleh klik di ruangan jawapan yang telah disediakan. Tempoh yang diberikan untuk menjawab soalan adalah selama 2 jam dan terdapat 113 bilangan soalan. Klik butang **Teruskan** untuk menjawab soalan yang seterusnya. Calon tidak boleh mengubah jawapan untuk soalan yang telah dijawab.




Antaramuka Ujian Saringan

iv. Paparan antaramuka soalan ujian saringan menunjukkan masa rehat akan diberikan selama 30 saat kepada calon selepas menjawab setiap 30 soalan. Calon perlu klik butang **Langkau** jika tidak memerlukan masa rehat dan boleh menjawab soalan seterusnya.




Antaramuka masa berehat calon

v. Berikut adalah paparan antaramuka setelah calon selesai menjawab ujian. Klik butang **Tamatkan soal selidik** untuk menamatkan ujian.




Antaramuka calon menamatkan ujian saringan

vi. Paparan dibawah menunjukkan calon boleh mencetak transkrip selepas tamat menjawab ujian. Calon perlu klik butang **Selesai/Cetak Transkrip**.




vii. Berikut adalah paparan cetakan transkrip pengesahan pengambilan kaji selidik untuk simpanan calon. Kaji selidik ini mempunyai tempoh sah laku iaitu 6 bulan dari tarikh kaji selidik dilaksanakan.




Antaramuka transkrip pengesahan pengambilan kaji selidik